



Berdepan dunia pekerjaan yang sentiasa berubah

Banyak pekerjaan konvensional beralih kepada teknologi

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keputusan kerajaan untuk melahirkan lebih ramai penyedia pekerjaan pada masa depan dilihat wajar untuk mendepani dunia pekerjaan yang semakin mencabar sekali gus membantu mengurangkan masalah pengangguran.

Langkah itu juga dilihat sejajar dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) Lonjakan Pertama iaitu melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 juga turut menyokong idea berkenaan bagi mempromosikan pembangunan dan pendidikan keusahawanan dalam landskap pendidikan tinggi sekali gus membantu melahirkan lebih ramai penyedia pekerjaan.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Aldrin Abdullah, berkata industri pekerjaan sedang melalui proses perubahan yang drastik tetapi tidak bermakna pekerjaan menjadi semakin berkurangan, cuma jenis pekerjaan masa depan akan banyak berubah.

Katanya, Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) meramalkan banyak pekerjaan konvensional yang menggunakan tenaga manusia akan beralih kepada teknologi



Prof Dr Aldrin Abdullah



Prof Dr Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad



Dr Mass Hareeza Ali

dan situasi itu menyebabkan dunia internet dan digital, kecerdasan buatan (AI) dan data raya memerlukan anjakan perubahan bakat yang drastik dalam kalangan anak muda hari ini dan masa depan.

“Bekerja sendiri dan menjadi penyedia pekerjaan bukanlah perkara baharu, namun sekarang ini keadaan itu menjadi lebih jelas malah ramai pelajar universiti seawal tahun pertama pengajian sudah memanfaatkan potensi diri melalui penyertaan dalam program keusahawanan mahupun program yang dapat membangunkan bakat dalam dirinya,” katanya.

USM sendiri sudah berjaya melahirkan graduan yang berperanan sebagai penyedia pekerjaan antaranya siswazah muda yang berjaya membuka restoran hipster yang dikenali sebagai Kapit dan kini bukan sahaja terkenal di dalam kampus tetapi juga di bandaraya Georgetown, Pulau Pinang.

Prof Aldrin berkata, menjadi hasrat universiti untuk melahirkan lebih ramai lagi penyedia pekerjaan pada masa depan, tetapi hasrat utama USM ialah melahirkan penyedia pekerjaan yang bernilai tinggi berdasarkan bidang kepakaran yang dipelajari atau pengkhususan pelajar berkenaan.

Katanya, pelbagai usaha dibuat oleh universiti untuk membantu melahirkan lebih ramai penyedia pekerjaan termasuklah program la-

tihan dan inkubator yang bersedia membentuk dan melahirkan anak muda untuk menjadi usahawan.

“Selain itu, perkara paling utama ialah pembudayaan keusahawanan dalam konteks yang lebih luas malah pengajaran dan pendidikan keusahawanan tidak hanya berfokus kepada peluang dan bidang, tetapi menguasai semua nilai dan semangat juang keusahawanan dalam apa juga kerja yang dilakukan.

“Pihak universiti juga meneroka bakat keusahawanan pelajar dengan memanfaatkan hasil penyelidikan mereka dalam pelbagai bidang secara kreatif dan inovatif misalnya melalui pertandingan Novel Research Innovation Competition (NRIC) yang dimajukan apabila tamat pengajian melalui rangkaian atau jaringan yang dibina,” katanya.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor, Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Dr Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad, berkata tindakan bijak graduan menjadi penyedia pekerjaan dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran dan kebergantungan pekerjaan kepada kerajaan dan swasta semata-mata.

Meskipun begitu, beliau berkata kerajaan perlu memainkan peranan aktif dalam memberikan

sokongan kepada graduan dan universiti untuk melahirkan lebih ramai penyedia pekerjaan.

“Ia termasuklah menyediakan kemudahan kewangan, tapak, lokasi perniagaan yang strategik, kolaborasi antara pihak kerajaan dengan swasta dalam mengadakan projek industri dengan pelajar UiTM khususnya dan universiti lain amnya.

“Pihak kerajaan juga boleh membabitkan usahawan, pelajar dan universiti dalam projek besar kerajaan sebagai pembekal atau penyedia perkhidmatan bagi memberi peluang pembabitan secara langsung kepada graduan sekali gus memberikan impak positif kepada pelajar dalam menyampaikan idea, inovasi, dan kreativiti melalui projek usaha sama itu,” katanya.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mass Hareeza Ali, pula berkata dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan dan penyedia pekerjaan universiti menyediakan banyak saluran dan platform kepada pelajar untuk meneroka bidang perniagaan ketika masih dalam pengajian.

“Program berkenaan termasuklah menyediakan start up untuk pelajar yang baru berjinak-jinak dengan dunia perniagaan, platform untuk menyertai karnival yang lebih besar dan program franchise,” katanya.